



Semua Y.B. Ahli Dewan Undangan Negeri,
Ketua Jabatan Negeri,
Ketua Badan Berkanun Negeri,
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri,
PULAU PINANG.

SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI BIL. 2 TAHUN 2009

PENGURUSAN PROJEK-PROJEK YANG DITAWARKAN OLEH JABATAN NEGERI, BADAN BERKANUN NEGERI DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PULAU PINANG

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memperkemaskan dan memantapkan pengurusan projek-projek yang ditawarkan oleh Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pulau Pinang.

LATAR BELAKANG

Peraturan dan Garis Panduan Perolehan

2. Arahan Perbendaharaan telahpun menggariskan dengan jelas akan peraturan berhubung dengan proses pelawaan tender dan sebut harga bagi perolehan kerajaan.

3. Selain daripada Arahan Perbendaharaan, Surat-surat Pekeliling Kewangan Negeri juga telahpun dikeluarkan yang mengutarakan beberapa syarat tambahan untuk menjamin ketelusan dan kecekapan urustadbir dalam pengurusan perolehan tender dan sebut harga bagi projek-projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan seperti berikut:

- i. **Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 5 Tahun 2008 :**
Ketelusan Dalam Proses Tawaran Tender dan Sebut Harga Bagi Projek-projek Yang Ditawarkan Oleh Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Di Negeri Pulau Pinang.
- ii. **Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 8 Tahun 2008 :**
Tambahan Peraturan Kepada Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 5 tahun 2008 : Ketelusan Dalam Proses Tawaran Tender dan Sebut Harga Bagi Projek-projek Yang Ditawarkan Oleh Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Di Negeri Pulau Pinang.
- iii. **Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 9 Tahun 2008 :**
Penggabungan Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Harga Berkaitan Penilaian Tender Kerajaan Negeri Serta Perlantikan Harga Berkaitan Penilaian Tender Kerajaan Negeri Serta Perlantikan Pakar Luar Sebagai Ahli Jawatankuasa.
- iv. **Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 15 Tahun 2008 :**
Pelaksanaan Sistem ePerolehan Di Negeri Pulau Pinang.

4. Semua peraturan dan ketetapan dalam Arahan Perbendaharaan dan Surat-surat Pekeliling Kewangan Negeri berkaitan prosedur perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja harus diberi keutamaan oleh semua Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan kerana ia merupakan aspek penting dalam pengurusan kewangan, di samping mempertingkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian sektor awam.

PENGURUSAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN

5. Arahan Perbendaharaan dan Surat-surat Pekeliling Kewangan Negeri telah menggariskan peraturan dalam prosedur perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Dalam proses pasca perolehan selanjutnya, penekanan diberi kepada pelaksanaan kerja mengikut jadual dan menepati spesifikasi dan kualiti projek. Namun demikian dalam pelaksanaan kerja, isu berbangkit ialah kebergantungan kepada tenaga buruh daripada pekerja asing yang akibatnya telah menggugat peluang pekerjaan bagi rakyat tempatan. Menurut sumber Kementerian Sumber Manusia, hampir 20% tenaga kerja di Malaysia terdiri daripada warga asing dan ini bermakna nisbah pekerja di Negara ini ialah seorang warga asing bagi setiap empat (4) pekerja tempatan. Kebergantungan kepada pekerja asing khususnya dalam keadaan ekonomi Negara yang tidak menentu dan semakin rumit ketika ini bukan sahaja menyisih pekerja tempatan malahan menjejaskan kelemahan imbangan pembayaran dan mencetuskan isu sosial dan keselamatan.

6. Dalam usaha menangani isu kebergantungan kepada tenaga kerja asing dalam sektor pembinaan, Kerajaan Negeri mengambil satu pendekatan secara holistik dan komprehensif tanpa menjejaskan pelaksanaan projek-projek pembangunan di negeri. Berkaitannya

Kerajaan Negeri telah menetapkan bahawa bagi semua projek pembiayaan Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan perkara-perkara berikut hendaklah dipatuhi, iaitu:

- i. Pekerja-pekerja tempatan adalah dikehendaki berdaftar dengan Jabatan Sumber Manusia. Pekerja-pekerja tempatan yang berdaftar boleh dipadankan kepada kontraktor tempatan yang memerlukan. Sekiranya usaha bagi mendapat pekerja tempatan yang berdaftar dengan Jabatan Sumber Manusia gagal dengan dikemukakan bukti pengesahan daripada Jabatan Sumber Manusia, maka kontraktor tempatan dibenarkan mengambil pekerja asing bagi melaksanakan kerja projek yang diperolehinya.
- ii. Pegawai Pengawal Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan samada bertindak sebagai jabatan teknikal atau jabatan pelanggan (*client*) hendaklah memastikan kontraktor-kontraktor tempatan yang sedang dan akan melaksanakan projek pembangunan mematuhi ketetapan di perenggan 6 (i). Bagi projek-projek yang akan ditawarkan, perlu dimasukkan klausa tambahan di surat tawaran perolehan yang mensyaratkan kontraktor mengguna pekerja-pekerja tempatan dan jika perlu mendapatkan tenaga kerja ini daripada senarai pekerja tempatan yang berdaftar dengan Jabatan Sumber Manusia.
- iii. Pegawai Pengawal Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan sama ada bertindak sebagai jabatan teknikal atau jabatan pelanggan (*client*) hendaklah memastikan selama tempoh pelaksanaan projek, kontraktor terus mengekalkan pekerja-pekerja tempatan untuk berkhidmat dengan syarikat dan tidak menukar ganti dengan tenaga kerja asing. Pegawai Pengawal

hendaklah menyimpan dan memantau rekod pekerja bagi syarikat kontraktor yang melaksanakan projek.

iv. Sekiranya didapati kontraktor tidak menepati ketetapan 6 (i) dan (iii) di atas, syarikat kontraktor terlibat tanpa alasan yang kukuh akan disenaraihitamkan dan tidak akan berpeluang menyertai tawaran kontrak dan sebutharga yang dipanggil oleh Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Pulau Pinang.

7. Pegawai Pengawal Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah membuat pemantauan berkala dan memberi sepenuh komitmen dan sokongan padu bagi memastikan usaha Kerajaan Negeri untuk membantu dan meningkatkan penyertaan pekerja-pekerja tempatan dalam sektor pembinaan amnya, dan khususnya dalam pelaksanaan projek-projek pembiayaan negeri dicapai.

8. Pegawai Pengawal Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan juga hendaklah memaklumkan kepada Y.B. ADUN berkaitan projek-projek pembangunan yang dilaksanakan di Kawasan Dewan Undangan Negeri berkaitan supaya dapat Y.B. ADUN memantau bersama pelaksanaan projek. Melalui pemantauan bersama dengan Y.B. ADUN, diyakini permasalahan dalam pelaksanaan projek pembangunan sekiranya berbangkit, iaitu dari segi mutu dan kualiti kerja serta pematuhan kepada spesifikasi projek dan sebagainya, dapat diambil tindakan intervensi awal. Tindakan ini bertujuan supaya projek dapat dilaksanakan dengan lebih licin dan memenuhi jadual, dan yang lebih pentingnya ialah dapat memenuhi kehendak kumpulan sasaran dan rakyat amnya.


TARIKH KUATKUASA

9. Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,


[DATO' SUPIAH BT. MD. YUSOF]
Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang.

Tarikh : 9 Januari 2009

s.k.: Y.A.B. Ketua Menteri
PULAU PINANG.

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
PULAU PINANG.